

Program Transformasi Minda

Pegawai-pegawai selalu menjadi diri sendiri sahaja?

Pegawai-pegawai selalu menyalahkan orang lain?

Kurang pegawai-pegawai yang proaktif dalam tempat kerja?

Tidak pasti strategi-strategi untuk menyatupadukan pekerja?

Pengenalan

Kecintaan dan rasa kepunyaan (sense of belonging) terhadap jabatan merupakan elemen yang penting bagi meningkatkan produktiviti semua pegawai jabatan. Kini, pegawai-pegawai jabatan sudah mempunyai kecintaan dan rasa kepunyaan yang tinggi. Namun, kecintaan dan rasa kepunyaan akan bertambah baik apabila konsep *behavioural intelligence* diaplikasikan dalam program ini. Teknik-teknik psikologi serta teknik-teknik tingkahlaku dan sikap bagi meningkatkan muhasabah diri untuk diaplikasikan. Persepsi, kepercayaan, sikap, tingkahlaku dan seterusnya menjadi budaya secara istiqamah.

Objektif Program

Program ini bertujuan untuk:

- Menyedarkan diri pegawai-pegawai bahawa mereka adalah sebagai khalifah untuk menyumbangkan tenaga kepada jabatan dengan suci hati.
- Menyemai sikap kekitaan di antara pegawai-pegawai di jabatan.
- Membangunkan budaya sihat dan produktif dalam kalangan pegawai-pegawai.

Hasil Pembelajaran

Selepas menghadiri kursus ini para peserta sudah boleh atau berpengetahuan tentang

- Membolehkan penerimaan terhadap Jabatan bertambah baik dari segi fizikal dan minda. (VU, AT, A)
- Memastikan anggota akan lebih mencintai dan lebih menyumbangkan tenaga kepada Jabatan (VU, A, SA,K)
- Bekerjasama untuk menyediakan budaya sihat di tempat kerja (VA,S,K,A)

Siapa Yang Patut Hadir

Pegawai kumpulan sokongan, Pegawai gred 41-44, pegawai gred 48-52 dan pegawai gred 54 dan ke atas. Pegawai-pegawai yang terlibat dengan aktiviti transformasi.

Metodologi

Kajian kes, perbincangan forum, main peranan, pembentangan, gamifikasi

Kerangka Latihan

Masa	Hari Pertama
8:30 am – 10:30 am	Muhasabah Diri: Permulaan Transformasi Minda Modul ini adalah bertujuan untuk setiap pegawai memahami diri mereka secara mendalam. Manusia adalah unik. Setiap individu mempunyai pengalaman yang berbeza. Pengalaman yang berbeza dapat membentuk peribadi yang istimewa pada diri sendiri.
10.30 am – 11.00 am	Rehat dan Rangkaian
11:00am – 1.00pm	Persepsi Diri dan Persepsi Tempat Kerja di Jabatan Saya Persepsi diri mempengaruhi tingkah laku kita. Memahami persepsi diri dapat membantu agar kita dapat menyumbangkan jiwa kita di tempat kerja. Modul ini membolehkan pegawai meninjau semula persepsi mereka sendiri.
1.00pm - 2:00pm	Makan tengah hari dan Rangkaian
2:00pm – 4:00pm	Sistem Kepercayaan Diri (<i>Self Believe System</i>) Terhadap Budaya Kerja di Jabatan Sebagai Asas Transformasi Minda Persepsi pekerja akan mempengaruhi sistem kepercayaan diri terhadap jabatan. Modul ini bertujuan untuk memahami secara mendalam sistem kepercayaan diri pegawai-pegawai.
4:00pm – 4:30pm	Minum Petang dan Rangkaian
4:30pm – 5:00pm	Menyemai Nilai Positif Dari Persepsi dan Sistem Kepercayaan Diri Sebagai Pedoman Transformasi Minda Modul ini bertujuan untuk mengintegrasikan persepsi dan sistem kepercayaan supaya dapat membina nilai-nilai positif terhadap jabatan. Persepsi dan kepercayaan yang negatif akan dikikis pada peringkat ini. Refleksi berterusan akan dijalankan dalam sesi ini.

Masa	Hari Kedua
8:30am – 10:30am	Menyemai Sikap Positif Terhadap Jabatan Sebagai Pemangkin Transformasi Minda Selepas sesi refleksi, sesi ini bertujuan untuk menukar nilai positif supaya menjadi sikap positif di antara pegawai-pegawai di dalam jabatan tersebut. Dengan sikap positif, pegawai akan bertambah motivasi untuk menyumbangkan tenaga dengan suci hati.
10.30 am – 11.00am	Rehat dan Rangkaian
11:00am – 1.00pm	Teknik-teknik Transformasi Minda: Menangani Pengaruh Negatif Modul ini akan melatih pegawai-pegawai cara untuk menangani pengaruh yang akan mempengaruhi pendirian mereka untuk memegang amanah untuk berkhidmat di jabatan. Dengan teknik yang efektif, pegawai akan selalu ceria dan berkhidmat dengan sepenuh hati.
1.00pm - 2:00pm	Makan Tengah Hari dan Rangkaian
2:00pm – 4:00pm	Budaya Positif Yang Mampan: Transformasi Minda Budaya yang positif meningkatkan produktiviti jabatan. Modul ini bertujuan untuk mendapatkan sokongan daripada pegawai-pegawai mengenai cara untuk membina budaya positif di jabatan.
4:00pm – 4:30pm	Rehat dan Rangkaian
4:30pm – 5:00pm	Kesyukuran Terhadap Jabatan: I Love Jabatan Saya Pegawai-pegawai jabatan perlu bersyukur kerana diamanahkan untuk terus berkhidmat di Jabatan. Dalam modul ini, pegawai akan mempunyai rasa lebih cintakan jabatan dan terus berkhidmat.